



SIARAN MEDIA

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT SEMPENA

PERASMIAN PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

TETAMU KEHORMAT : Y.A.B. DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI MALAYSIA

TARIKH : 18 FEBRUARI 2012 (SABTU)

TEMPAT : PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR, GOPENG, PERAK

PRODUK USAHAWAN IBU TUNGGAL DIPASARKAN DI RTC GOPENG

GOPENG, 18 FEBUARI 2012 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited untuk membantu memasarkan produk 404 Ibu Tunggal di Negeri Perak yang merupakan penerima bantuan Teman 1Azam di bawah NKRA-*Low Income Household* (NKRA-LIH) yang diterajui oleh Kementerian untuk menjana pendapatan bagi golongan berpendapatan rendah dan sekaligus mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

RTC di Gopeng akan dijadikan projek perintis di Pusat Pemasaran Setempat bagi produk-produk golongan Ibu Tunggal yang akan dipasarkan ke beberapa agensi Kerajaan dan swasta. Pendekatan ini diambil oleh KPWKM kerana kelazimannya para usahawan mikro terutamanya wanita berdepan dengan masalah untuk

memasarkan produk mereka. Dalam aspek ini, KPWKM turut membantu untuk memberi latihan dari segi pembungkusan dan pemasaran produk berkenaan kepada golongan ini agar produk mereka akan lebih kompetitif dan berdaya saing di pasaran tempatan.

RTC yang diwujudkan dibawah *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS4) dilihat sebagai strategi terbaik untuk membantu golongan ini kerana ianya melibatkan kerjasama pelbagai agensi yang bertanggungjawab terhadap aspek pengumpulan, pengedaran dan pemasaran produk usahawan penduduk luar bandar. Seramai 3,100 orang Ibu Tunggal seluruh Malaysia akan menerima manfaat setelah projek RTC ini diperluaskan ke seluruh Negara.

Inisiatif ini diumumkan oleh YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersempena dengan Perasmian RTC oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Secara keseluruhannya, KPWKM telah membantu seramai 4,508 orang di negeri Perak menerusi program Teman 1AZAM.

###

Disediakan oleh : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
Unit DMO NKRA-LIH KPWKM
Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya
Telefon : 03 – 8323 1000
Tarikh : 18 Febuari 2012

